

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM  
(PASIR GUDANG)**

**SOALAN**

**TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [ PASIR GUDANG ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan Pusat mempunyai cadangan untuk membina satu lagi lebuh raya yang menghubungkan Pasir Gudang dengan Skudai sebagai langkah mengurangkan kesesakan di Lebuh Raya Pasir Gudang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tiada cadangan untuk membina satu lagi lebuh raya menghubungkan Pasir Gudang dengan Skudai. Walau bagaimanapun, bagi mengurangkan kesesakan di Lebuh Raya Pasir Gudang, Kementerian ini telah menyiapkan projek menaiktaraf jalan tersebut iaitu Fasa 1: Kangkar Tebrau – Plentong yang telah siap pada 31 Mei 2016 dan Fasa 2A: Plentong - Seri Alam/Taman Rinting yang telah siap pada 31 Oktober 2018.

Manakala untuk Fasa 2B : Dari Persimpangan Bandar Seri Alam / Taman Rinting ke Pasir Gudang pula telah diluluskan pada *Rolling Plan 4* (2020), Rancangan Malaysia kesebelas (RMKe-11) dan dijangka akan siap pada tahun 2024.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, bagi fasa terakhir iaitu Fasa 3: Dari Persimpangan Bertingkat Perling Hingga Ke Susur Naik Lebuhraya Utara Selatan, Kementerian ini telah mengangkat permohonan projek tersebut untuk kelulusan Agensi Pusat bagi *Rolling Plan 2* (RP2), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Apabila keseluruhan fasa telah disiapkan, adalah dijangkakan isu kesesakan di Lebuh Raya Pasir Gudang dapat dikurangkan.

Sekian, terima kasih.